

Tak perlu pindah 10 juta tan bauksit

■ **SPRM sita bahan mineral elak dialihkan pemilik atau pengusaha untuk tujuan lain seperti eksport**

Mohamad Azim Fitri Abd Aziz
azimfitri@hmetro.com.my

Kuantan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak berca-dang untuk memungkah atau mengalihkan kira-kira 10 juta tan bauksit yang disita hujung minggu lalu, dari tempat pengumpulan di sekitar FELDA Bukit Goh dan Bukit Sagu, di sini.

Timbalan Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki berkata, tidak timbul keperluan untuk pihaknya memin-dahkan semua bahan mineral itu ketika melakukan siasatan lanjut berhubung dakwaan berlakunya unsur rasuah dalam aktiviti perlombongan bauksit di kawasan berkenaan.

"Tidak perlu kita pindah-kan semua bauksit itu bagi melengkapkan siasatan. Kita sita semua bauksit itu mengikut Seksyen 33 Akta SPRM 2009 bagi mengelak ia dipindahkan oleh pemilik atau pengusaha untuk tu-juan lain seperti eksport.

"Kita minta mereka (pengusaha bauksit haram) tidak melanggar arahan ini, jika ada yang ingkar me-reka berdepan tindakan mengikut Seksyen 69 Akta sama," katanya.

Sementara itu, Pengarah

SPRM negeri Datuk Alias Salim berkata, pihaknya melakukan pemantauan di kawasan simpanan bauksit yang sudah disita bagi mengelak pihak tertentu men-ceroboh dan memungkah bahan mineral berkenaan.

"Pemantauan berterusan dilakukan pegawai dan anggota kami di kawasan berkenaan bagi memasti-kan ia tidak diceroboh. Kita bekerjasama dengan pe-gawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengawal kawasan pengum-pulan simpanan bauksit yang sudah dikenal pasti," katanya.

Dalam pada itu, sumber berkata, pihak Kuantan Port belum menerima notis

rasmil berhu-bung tindakan SPRM menyita semua simpa-nan bauksit termasuk yang berada di tempat pe-ngumpulan da-lam kawasan Pe-labuhan Kuantan.

"Kami difahamkan ka-wasan pengumpulan stok bauksit di sini (Pelabuhan Kuantan) hanya boleh men-yimpan sehingga 250,000 tan bauksit. Dilihat pada jumlah yang disita (10 juta tan), mungkin ia memba-bitkan kawasan pengum-pulan stok di tempat lain dan bukannya di sini," ka-tanya.

SPRM menahan 12 pe-gawai dan kakitangan daripa-da Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) sejak 2 Ogos lalu, susulan pende-dahan media mengenai ke-wujudan aktiviti perlombo-ngan bauksit secara haram di sekitar Kuantan.

FAKTA

Pengusaha bauksit haram diminta ikut arahan SPRM